

# 'Kami mampu bersaing di Glasgow'

» Fitri mahu tumpu cabaran di Sukan Komanwel lupakan aksi hambar di Belanda

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► Putra Jaya

Skuad hoki negara mampu bangkit memberikan saingan sengit pada Sukan Komanwel di Glasgow, Scotland bulan depan, meskipun memamerkan aksi mengecewakan pada temasya Hoki Piala Dunia 2014 di The Hague, Belanda, baru-baru ini.

Pemain tengah pasukan kebangsaan, Mohd Fitri Saari berkata, kedudukan skuad negara yang berada di tangga tercorot pada kejohanan itu sememangnya mengecewakan, namun mereka perlu menebus maruah.

"Kita perlu bersedia dari segi mental dan fizikal untuk mengharungi cabaran pada temasya sukan dunia itu, selain Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan, September ini.

"Saya percaya pasukan kita boleh bersaing dengan pasukan lain seperti India dan Pakistan. Jika kita tumpu pada setiap perlawanan dan tidak membuat kesilapan bodoh, kita boleh menang," katanya selepas majlis anugerah sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) di Kementerian Pendidikan, di sini semalam.

Pada temasya di The Hague itu, skuad hoki negara di bawah jurulatih Muhammad Dharma Raj Abdullah, gagal memenangi semua perlawanan sehingga terpaksa menduduki tangga tercorot daripada 12 pasukan bersaing. Kejohanan ini dimenangi pasukan Australia.

## Tak ulangi kesilapan

Fitri berkata, pengalaman beraksi di kejohanan itu memberi pengalaman berharga kepada dirinya dan sekali gus menjadi panduan supaya tidak mengulangi kesilapan sama dalam perlawanan akan datang.

"Kita banyak belajar daripada Australia dan pasukan handal lain pada peringkat dunia. Apa yang saya perhatikan, kita tidak boleh mudah hilang bola kerana pasukan itu mempunyai cara kawalan bola serta penyudah yang bagus. Itu perbezaan antara kita dan (pasukan) mereka," katanya.

Pada majlis itu, Fitri dinobatkan sebagai penerima Olahragawan MASUM 2013 manakala ratu terjun negara, Pandelela Rinong sebagai Olahragawati.

Hadiah disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Datuk Nasir Mat Dam. Turut hadir, Pengerusi MASUM, Prof Dr Anuar Hassan.

[FOTO: FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

## Senarai pemenang



Atlet terjun, **Pandelela Rinong** (kiri) dan atlet hoki, **Mohd Fitri Saari** dianugerah olahragawati/olahragawan MASUM di Putrajaya, semalam.

🕒 **Olahragawan** - Mohd Fitri Saari

🕒 **Olahragawati** - Pandelela Rinong

🕒 **Anugerah Tokoh Sukan MASUM 2013**

Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur  
Presiden Majlis Sukan ASEAN (AUSC) merangkap  
Timbalan Naib Canselor, (Hal Ehwal Pelajar  
dan Alumni), Universiti Malaysia Sabah

🕒 **Anugerah Harapan**

Muhammad Irfan Shamsudin (lelaki) - Olahraga  
Vivian Hoo Kah Mun (wanita) - Badminton

🕒 **Pasukan Terbaik (Lelaki)**

Hoki Sukan Universiti Dunia Universiade (lelaki)  
Sofbol MASUM (wanita)

🕒 **Jurulatih Terbaik**

Malik Tobias dari Universiti  
Putra Malaysia (UPM) -  
Olahraga Universiade

🕒 **Pengurus Terbaik**

Prof Madya Dr Mohamad Faithal  
Hassan - Badminton Universiade